

**D.R. 21/96**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

Pindaan seksyen 2. Akta 333.

(a) dengan memasukkan selepas takrif "Lembaga Lebuhraya" takrif yang berikut:

' "lesen belajar memandu" ertinya lesen memandu yang diberikan kepada mana-mana orang untuk belajar memandu dari segi teori dan amali dan kemudiannya diuji mengikut ujian kekompetenan yang ditetapkan;';

(b) dalam takrif "lesen memandu" dengan memasukkan selepas perkataan "lesen belajar memandu" perkataan "dan lesen memandu percubaan";

(c) dengan memasukkan selepas takrif "lesen memandu" takrif yang berikut:

' "lesen memandu percubaan" ertinya lesen bagi suatu tempoh percubaan selama dua tahun yang diberikan kepada mana-mana orang yang telah lulus ujian kekompetenan yang ditetapkan;"; dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif "pemunya berdaftar" takrif yang berikut:

' "pendaftar berlesen" ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 126 untuk menjalankan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor di bawah Akta ini;'.

Pindaan  
seksyen 8.

**3.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen yang berikut:

" Penyim-  
panan  
rekod.

8. (1) Seseorang pendaftar berlesen yang dipertugaskan kepada sesuatu kawasan pendaftaran hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi segala kenderaan motor yang didaftarkan di bawah Akta ini dalam kawasan pendaftaran yang dipertugaskan kepadanya.

(2) Daftar itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat, perincian dan butir-butir sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah."

Pindaan  
seksyen 9.

**4.** Akta ibu adalah dipinda dalam seksyen 9 dengan menggantikan perkataan "Tiap-tiap Pengarah" dengan perkataan "Seseorang pendaftar berlesen".

5. Akta ibu adalah dipinda dalam seksyen 10 dengan menggantikan perkataan "Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran" dengan perkataan "pendaftar berlesen".

Pindaan  
seksyen 10.

6. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 11.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Pengarah" dengan perkataan "seseorang pendaftar berlesen";

(ii) dengan menggantikan noktah bertindih di hujung perenggan (a) dengan koma bernoktah; dan

(iii) dengan memotong proviso;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (a) subseksyen (1), dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah dan apabila dibayar fee yang ditetapkan, pendaftar berlesen boleh membenarkan mana-mana orang—

(a) yang telah didaftarkan sebagai pemunya sesuatu kenderaan motor, untuk mendapatkan nombor yang diuntukkan kepada kenderaan motornya diuntukkan kepada kenderaan motor yang lain yang sebelum itu belum pernah didaftarkan, dan pendaftar berlesen hendaklah sesudah itu menguntukkan suatu nombor pendaftaran yang baru kepada kenderaan motor yang mula-mula disebut itu;

(b) yang telah didaftarkan sebagai pemunya sesuatu kenderaan motor, untuk mendapatkan nombor yang diuntukkan kepada kenderaan motornya diuntukkan kepada kenderaan motor berdaftar yang lain; atau

(c) yang memohon untuk didaftarkan sebagai pemunya sesuatu kenderaan motor yang sebelum itu belum didaftarkan untuk mendapatkan nombor pendaftaran sesuatu kenderaan motor yang telah dibatalkan atas sebab kenderaan motor itu telah diceraikan, dibinasakan atau dihantar keluar Malaysia untuk selama-lamanya, diuntukkan kepada kenderaan motornya.

(1B) Apabila apa-apa penguntukan dibuat di bawah subseksyen (1A), pendaftar berlesen hendaklah membuat segala pindaan yang perlu dan membangkit kepada daftar dan perakuan pendaftaran."; dan

(c) dalam subseksyen (3), (4) dan (5) dengan menggantikan perkataan "Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen".

Seksyen  
baru 11A.

**7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:**

"Seseorang boleh mencadangkan nombor pendaftaran sendiri. 11A. (1) Seseorang boleh mencadangkan nombor pendaftaran yang dicadangkan itu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (2) dan apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, perkataan "nombor pendaftaran" ertinya—

(a) apa-apa kombinasi huruf sama ada atau tidak ia membentuk suatu perkataan; atau

(b) apa-apa kombinasi huruf dan nombor."

**8. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—**Pindaan  
seksyen 12.

- (a) dalam subseksyen (1) dan (5) dengan menggantikan perkataan "atau seseorang Pengarah" dengan perkataan ", Pengarah atau pendaftar berlesen";
- (b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran" dan perkataan "Pengarah" dengan perkataan "pendaftar berlesen"; dan
- (c) dalam subseksyen (3) dan (4), dengan menggantikan perkataan "Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen".

**9. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran", "Pengarah bagi sesuatu kawasan pendaftaran" dan perkataan "Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen".**Pindaan  
seksyen 13.**10. Subseksyen 15(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengarah" dengan perkataan "pendaftar berlesen".**Pindaan  
seksyen 15.**11. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengarah mana-mana kawasan pendaftaran" dan perkataan "Pengarah" dengan perkataan "pendaftar berlesen".**Pindaan  
seksyen 16.**12. Subseksyen 17(1) Akta ibu adalah dipinda—**Pindaan  
seksyen 17.

- (a) dengan menggantikan perkataan "Pengarah" dengan perkataan "pendaftar berlesen"; dan
- (b) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan "Jabatan" yang terdapat sebelum perkataan "Polis".

- Pindaan seksyen 19. **13.** Subseksyen 19(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengaruh sesuatu kawasan pendaftaran" dan perkataan "Pengaruh" yang mula-mula terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen".
- Pindaan seksyen 21. **14.** Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengaruh" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen".
- Pindaan seksyen 22. **15.** Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengaruh bagi kawasan pendaftaran" , "Pengaruh sesuatu kawasan pendaftaran" dan "Pengaruh" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen".
- Pindaan seksyen 23. **16.** Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengaruh" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen".
- Pindaan seksyen 24. **17.** Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengaruh" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen".
- Pindaan seksyen 27. **18.** Subseksyen 27(6) Akta ibu adalah dipinda—  
(a) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan koma bernoktah; dan  
(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:  
"(c) selama tempoh dua belas bulan dari tarikh pembatalan lesen memandu di bawah seksyen 35, 35A, 41, 42, 43, 44, 45, 45A, 45B atau 45c."
- Pindaan seksyen 29. **19.** Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda—  
(a) dalam subseksyen (1)—  
(i) dengan memotong perkataan "sama ada"; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) memegang lesen memandu percubaan selama tempoh dua tahun dan membuat permohonan dalam tempoh satu tahun selepas habis tempoh itu;"

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Walau apa pun yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada lesen memandu boleh diberikan kepada mana-mana pemohon melainkan jika dia memuaskan hati Pengarah bahawa pada tarikh dia memohon dia tidak mempunyai perkara-perkara atau hal-hal yang belum selesai dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau Polis berhubungan dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini atau Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987."; dan *Akta 334.*

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(4A) Jika seseorang yang memegang lesen belajar memandu lulus ujian kekompetenan yang ditetapkan, Pengarah hendaklah memberinya lesen memandu percubaan dan lesen itu hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan hendaklah sah selama dua tahun.

(4B) Subseksyen (4A) tidaklah terpakai kepada pemohon yang memegang lesen memandu, selain daripada lesen belajar memandu, daripada kelas atau perihalan yang lain.

(4c) Jika mana-mana orang yang kepadanya lesen memandu percubaan diberikan gagal mematuhi mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya lesen itu diberikan, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan."

Pindaan  
seksyen 35.

**20.** Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "menggantung" perkataan "atau membatalkan";
- (b) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "boleh menggantung tiap-tiap lesen memandu seseorang bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan" dengan perkataan "hendaklah menggantung tiap-tiap lesen memandu seseorang bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau membatalkan lesen memandu seseorang";
- (c) dalam subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan "boleh" dengan perkataan "hendaklah";
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:
  - "(4A) Kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah untuk membatalkan lesen memandu seseorang di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan pada masa selepas lesen memandu orang itu digantung di bawah subseksyen (4) bagi kali ketiga dalam tempoh lima tahun.";
- (e) dengan memotong subseksyen (5) dan (7); dan
- (f) dengan memasukkan selepas subseksyen (8) subseksyen yang berikut:
  - "(9) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "lesen memandu" tidaklah termasuk lesen memandu percubaan."

**21.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 35 seksyen yang berikut: Seksyen baru 35A.

"Kuasa Ketua Pengarah untuk membatalkan lesen memandu percubaan. 35A. (1) Walau apa pun yang terkandung di dalam Akta ini, Ketua Pengarah hendaklah membatalkan lesen memandu percubaan seseorang jika dalam tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh pemberian lesen memandu percubaan rekod orang itu, yang disimpan oleh Ketua Pengarah, sebagai pemandu sesuatu kenderaan motor, atau kelakuan atau kebiasaannya sebagai pemandu, membuktikan bahawa adalah tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi orang itu memegang suatu lesen memandu yang sah atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor.

(2) Bagi maksud membuktikan bahawa adalah tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi seseorang itu memegang suatu lesen memandu atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor, Menteri boleh membuat kaedah-kaedah menetapkan suatu sistem pemberian mata terhadap seseorang kerana melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa kaedah-kaedah sedemikian boleh membuat peruntukan bagi menghendaki orang itu menjalani apa-apa kursus sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan jumlah mata maksimum yang akan diberikan terhadap seseorang sebelum boleh dibuktikan bahawa adalah tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi orang itu memegang suatu lesen memandu atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor.

(4) Kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh seksyen ini untuk membatalkan lesen memandu percubaan seseorang hendaklah dijalankan pada masa selepas jumlah mata maksimum yang disebut dalam subseksyen (3) diberikan terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Jika seseorang itu yang lesen memandu percubaannya dibatalkan dan dihilangkan kelayakan melalui suatu perintah mahkamah daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu bagi apa-apa tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, tiap-tiap mata yang diberikan terhadapnya di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah kemudiannya dibatalkan.

(6) Bagi maksud-maksud seksyen ini, seseorang hendaklah disifatkan telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini jika dia membayar penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu di bawah seksyen 119."

Pindaan  
seksyen 37.

**22.** Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "digantung" perkataan "atau dibatalkan";
- (b) dalam subseksyen (1)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "menggantung" perkataan "atau membatalkan";
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 35" perkataan "atau 35A";
  - (iii) dengan memasukkan selepas perkataan "penggantungan" perkataan "atau pembatalan"; dan

- (iv) dengan memasukkan selepas perkataan "digantung" perkataan "atau dibatalkan";
- (c) dalam subseksyen (2)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "menggantung" perkataan "atau membatalkan";
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 35" perkataan "atau 35A"; dan
  - (iii) dengan memasukkan selepas perkataan "penggantungan" perkataan "atau pembatalan";
- (d) dalam subseksyen (3) dengan memasukkan selepas perkataan "penggantungan" perkataan "atau pembatalan"; dan
- (e) dalam subseksyen (4)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "penggantungan" perkataan "atau pembatalan"; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 35" perkataan "atau 35A".

**23.** Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 38.

- (a) dalam subseksyen (1)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "menggantung" perkataan "atau membatalkan"; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 35" perkataan "atau 35A";
- (b) dalam subseksyen (2)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "digantung" perkataan "atau dibatalkan";
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 35" perkataan "atau 35A";

(c) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "digantung" perkataan "atau dibatalkan";
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 35" perkataan "atau 35A"; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan "penggantungan itu" perkataan "atau apabila lesen itu dibatalkan"; dan

(d) dalam subseksyen (5)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "digantung" perkataan "atau dibatalkan"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 35" perkataan "atau 35A".

Pindaan  
seksyen 41.

**24.** Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(3A) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu."

Pindaan  
seksyen 42.

**25.** Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu."

**26.** Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut; Pindaan seksyen 43.

"(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu."

**27.** Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut; Pindaan seksyen 44

"(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu."

**28.** Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut; Pindaan seksyen 45

"(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu."

**29.** Seksyen 45A Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut; Pindaan seksyen 45A.

"(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu."

**30.** Seksyen 45B Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 45B.

(a) dalam subseksyen (4) dengan memasukkan selepas perkataan "kedua-duanya" perkataan "dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya"; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(4A) Apabila disabitkan kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab-sebab khas memikirkan patut diperintahkan selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih panjang, dihilangkan kelayakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu.

(4B) Walau apa pun subseksyen (4) dan (4A), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu."

Pindaan  
seksyen 45c.

**31. Seksyen 45c Akta ibu adalah dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (6) dengan memasukkan selepas perkataan "atau kedua-duanya" perkataan "dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

"(6A) Apabila disabitkan kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab-sebab khas memikirkan patut diperintahkan selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih panjang, dihilangkan kelayakan

bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu.

(6B) Walau apa pun subseksyen (6) dan (6A), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu."

**32.** Subseksyen 45G(1) Akta ibu adalah dipinda dalam Pindaan takrif "ujian nafas"— seksyen 45g.

- (a) dengan menggantikan perkataan "ertinya" dengan perkataan "termasuklah"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "mungkin melebihi" dengan perkataan "sama atau melebihi".

**33.** Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 54.

- (a) dalam subseksyen (1)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "dan" yang terdapat selepas perkataan "seksyen 43" dengan koma; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 44" perkataan ",subseksyen (1) seksyen 45A, subseksyen (4) seksyen 45B, subseksyen (5) seksyen 45B dan subseksyen (6) seksyen 45c";
- (b) dalam perenggan (2)(a)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "atau" yang terdapat selepas perkataan "seksyen 42" dengan koma; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "44," perkataan "45A, 45B atau 45c,";

(c) dalam perenggan (2)(b)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "lima puluh" dengan perkataan "tiga ratus"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan "dua ratus" dengan perkataan "satu ribu"; dan

(d) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "atau" yang terdapat selepas perkataan "43" dengan koma; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "44" perkataan "atau 45A".

Pindaan  
seksyen 59.

**34.** Subseksyen 59(3) dan (6) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengarah bagi" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendaftar berlesen yang dipertugaskan kepada".

Pindaan  
seksyen 66.

**35.** Subseksyen 66(1) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (w) dengan menggantikan perkataan "Pengarah-Pengarah" dengan perkataan "pendaftar berlesen"; dan
- (b) dalam perenggan (y) dengan memotong perkataan "dan lesen-lesen belajar memandu".

Pindaan  
seksyen 102.

**36.** Subseksyen 102(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengarah" dengan perkataan "pendaftar berlesen".

Pindaan  
seksyen 117.

**37.** Subseksyen 117(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "atau seorang Timbalan Pengarah" dan "atau Timbalan Pengarah" dengan perkataan ", Timbalan Pengarah atau pendaftar berlesen".

**38.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 117 seksyen yang berikut: Seksyen baru 117A.

"Keterangan dan rekod sabitan dahulu. 117A. (1) Bagi maksud-maksud penghukuman di bawah Akta ini, apabila perlu untuk membuktikan dalam mana-mana mahkamah bahawa kesalahan yang baginya seseorang itu disabitkan adalah kesalahan kali kedua atau kali kemudian, suatu perakuan yang berupa sebagai rekod sabitannya yang terdahulu, yang ditandatangani oleh—

(a) mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah; atau

(b) mana-mana pegawai polis yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pegawai Polis atau Pesuruhjaya Polis,

yang menjaga rekod-rekod yang dalamnya sabitan itu disimpan, rekod itu boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* mengenai apa-apa fakta yang disebut dalamnya.

(2) Perakuan di bawah subseksyen (1) hanya boleh diterima jika ia adalah rekod berkenaan dengan kesalahan yang sama dan sabitan itu diperolehi dalam masa lima tahun dari tarikh sabitan ini."

**39.** Seksyen 124 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "atau Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan ", Pengarah atau pendaftar berlesen". Pindaan seksyen 124.

Pindaan  
seksyen 126

**40.** Seksyen 126 Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

"(8) Walaupun mana-mana orang telah diberikuasa atau diberi lesen di bawah seksyen ini untuk menjalankan mana-mana fungsi seorang pegawai pengangkutan jalan, Menteri boleh memberikan arahan kepada Ketua Pengarah atau Pengarah supaya menjalankan mana-mana fungsi itu."

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 untuk meminda takrif "lesen memandu" dan memasukkan takrif "lesen belajar memandu", "lesen memandu percubaan" dan "pendaftar berlesen".

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 8 untuk mengadakan peruntukan bagi penganan kewajipan atas pendaftar berlesen untuk menyimpan dan menyenggara daftar semua kenderaan motor yang didaftarkan di bawah Akta selepas penswastan aktiviti berkenaan dengan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor. Pelbagai pindaan juga telah dibuat di bawah *fasal 4, 5, 6(a)(i), 8, 9, 10, 11, 12(a), 13, 14, 15, 16, 17, 34, 35(a), 36, 37* dan *39* disebabkan oleh penswastan.

4. *Subfasal 6(a)(iii)* bertujuan meminda seksyen 11 dengan memotong proviso kepada subseksyen (1) kerana proviso ini tidak lagi terpakai selepas pemasangan subseksyen baru (1A) dan (1B) dalam *subfasal 6(b)* dan *(c)* yang membenarkan, antara lain, seseorang pemunya kenderaan motor untuk memindahkan nombor pendaftarannya kepada kenderaan motor yang lain yang dipunyai oleh orang lain.

5. *Fasal 7* bertujuan memasukkan seksyen baru 11A untuk membenarkan mana-mana orang untuk mencadangkan nombor pendaftarannya sendiri.

6. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 27 untuk memperluaskan jenis-jenis kesalahan yang penaltinya ialah kehilangan kelayakan untuk mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh dua belas bulan.

7. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 29 bagi memasukkan suatu kategori baru lesen memandu, iaitu lesen memandu percubaan. Di bawah peruntukan ini, seseorang pemandu yang baru lulus ujian yang ditetapkan akan diberi lesen memandu percubaan selama tempoh dua tahun sebelum lesen memandu kompeten diberikan kepadanya. *Fasal 19* juga bertujuan mengadakan peruntukan bahawa lesen memandu seseorang tidak akan diperbaharui jika orang itu mempunyai perkara atau kes yang belum selesai.

8. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 35 bagi memberi Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan kuasa untuk membatalkan lesen memandu di bawah sistem mata demerit.

9. *Fasal 21* bertujuan memasukkan seksyen baru 35A untuk memberi Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan kuasa untuk membatalkan lesen memandu percubaan.

10. *Fasal 22* dan *23* bertujuan meminda seksyen 37 dan 38 bagi memperluaskan kuasa Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan untuk membatalkan lesen memandu mana-mana orang berbangkit daripada pemasangan seksyen 35A.

11. *Fasal 24* bertujuan memasukkan subseksyen baru (3A) dalam seksyen 41 untuk memberi mahkamah kuasa untuk membatalkan lesen memandu percubaan seseorang. Pindaan yang serupa juga dicadangkan dalam *fasal 25, 26, 27, 28, 29* dan *31(b)* kepada seksyen 42, 43, 44, 45, 45A dan 45B.

12. *Fasal 30* dan *31(a)* bertujuan meminda seksyen 45B dan 45c bagi membolehkan hukuman yang sama seperti dalam seksyen 45A yang sedia ada dikenakan kepada mana-mana orang yang enggan untuk menjalani sesuatu ujian nafas.

13. *Fasal 32* bertujuan meminda subseksyen 45G(1) untuk meminda takrif "ujian nafas".

14. *Fasal 33* bertujuan meminda seksyen 54 bagi memperluaskan pemakaian seksyen itu kepada kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 45A hingga 45c.

15. *Fasal 38* bertujuan memasukkan seksyen baru 117A bagi membolehkan suatu rekod sabitan dahulu diterima sebagai keterangan dan menjadi bukti *prima facie* bagi apa-apa fakta yang disebut dalamnya.

16. *Fasal 40* bertujuan meminda seksyen 126 dengan memasukkan subseksyen baru (8) untuk memberi Menteri kuasa untuk mengarahkan Ketua Pengarah atau Pengarah untuk menjalankan apa-apa fungsi pegawai pengangkutan jalan yang telah diberikan kepada mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen itu.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1895.]